FPP
# BizNewz
January – May 2022
MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

## Mengapa Pelaburan Emas Menjadi Pilihan?

## Telur Mana Telur?

## An Affair of Online Learning and Covid-19

## Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK Ke-12

## Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman

eISSN 2600-9811
Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

# AKU, DIA DAN NICU...

## Siri 4

[1]Nik Noor Afizah Azlan & [2]Mazlan Mat
[1]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu
[2]Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Terengganu

(Merujuk kepada Siri 3 yang lalu) .....

Pengajaran untuk ibu-ibu mengandung di luar sana, jagalah kesihatan dan janganlah abaikan sebarang kelainan atau masalah kesihatan yang berlaku pada diri kalian. Mungkin perkara itu biasa jika kita tidak mengandung tetapi ada kemungkinan ianya akan memudaratkan dan berbahaya jika dialami ketika mengandung. Teruskanlah menjaga kesihatan ketika mengandung kerana kita bukan berseorangan tetapi kita mungkin berdua atau bertiga.

Seusai urusan di hospital, kami sekeluarga bertolak balik ke Dungun untuk menjalani rutin harian seperti biasa cuma bezanya kali ini rutin dalam cuti sakit. Doktor pakar menasihatkan agar aku memantau bacaan tekanan darah setiap hari serta memakan ubat-ubatan mengikut aturan yang telah ditetapkan. Tidak pernah sepanjang hayatku apabila mengandung perlu mengambil ubat sebanyak 5 jenis setiap kali selepas hidangan harianku. Tetapi demi kesihatan diri sendiri dan bayi dalam kandunganku ketika itu, aku gagahkan jua menelan ubat-ubatan tersebut. Mana tidaknya, setiap hari terngiang-ngiang kenyataan doktor pakar tentang kebarangkalian risiko-risiko yang akan aku hadapi jika bacaan tekanan darah masih tinggi dan tidak stabil. Antara risikonya adalah kebarangkalian bersalin awal melalui cesarean dan saiz bayi lebih kecil serta beratnya kurang daripada yang sepatutnya. Apabila berlaku keadaan itu, peluang bayi untuk terus bertahan sangat tipis dan jika bertahan sekali pun akan mengalami komplikasi-komplikasi lain serta perlu diintubasi dan ditempatkan di dalam inkubator di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU). Runtun jiwa seorang ibu apabila mendengarkan perkara seperti itu.

Selepas 2 minggu cuti sakit, aku kembali berjumpa doktor pakar untuk rawatan susulan ditemani suami tercinta. Berdasarkan pemeriksaan beliau, bacaan tekanan darah semakin stabil namun saiz bayi masih kecil dan anggaran berat masih dalam lingkungan 1 kilogram sahaja. Beliau menasihati aku agar teruskan menjaga kesihatan dan InsyaAllah apabila tekanan darah kembali stabil, bayi di dalam kandungan akan membesar dengan normal. Kami mengambil secara positif setiap nasihat dan maklumat yang beliau berikan supaya kami terus kuat untuk menempuh hari-hari mendatang.

Setelah selesai urusan dengan Doktor Pakar Sakit Puan, kami berurusan pula dengan Doktor Pakar Telinga, Hidung dan Tekak untuk mendapatkan rawatan telinga yang sakit tempoh hari dan seterusnya membuat tempahan bersalin di hospital tersebut. Alhamdulillah semuanya berjalan lancar cuma jauh di sudut hati ada satu perasaan yang kurang enak yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Hanya mampu berdoa agar semuanya baik-baik sahaja hendaknya.

Rutin harian berjalan seperti biasa dan aku menyelesaikan tugasanku sekadar yang termampu sahaja. Tidak lagi memaksa diri untuk siapkan tugasan yang bertimbun seperti sebelum ini. Tidak lagi pulang lewat ke rumah dan bersengkang mata di malam hari untuk selesaikan urusan kerja. Kali ini aku bertekad untuk utamakan kesihatan diri sendiri dan bayi dalam kandungan ini terlebih dahulu. Kerja dan jawatanku boleh ditukar ganti tetapi kesihatan dan nyawa tiada galang ganti.

Pada hujung minggu tersebut, suamiku membawa kami sekeluarga bercuti. Semasa dalam perjalanan, suamiku bertanyakan keadaan anak kami dalam kandungan. Ketika itu baru aku menyedari bahawa anak kami kurang aktif berbanding sebelum ini. Kurang tendangan dan kurang pergerakan. Mungkin kerana aku kepenatan. Kami beranggapan bahawa itu perkara biasa apabila si ibu kepenatan.

Percutian kami dihujani dengan keseronokan dan kegembiraan, tambahan pula dengan keletah anak-anak yang pelbagai ragam. Merekalah pengarang jantung kami, mereka jugalah yang mengajar kami kepelbagaian kaedah dalam mendidik mereka secara tidak langsung. Mana tidaknya, lain anak lain karakternya maka lainlah juga kaedah melayan dan mendidik mereka. Anak-anak ini bukan sahaja rezeki yang dikurniakan oleh Allah tetapi juga sebagai jambatan ilmu kepada ibu bapa dalam pengurusan anak-anak.

Keseronokan dan kegembiraan kami tidak berpanjangan. Semasa dalam perjalanan balik aku mula berasa sakit kepala, berdenyut-denyut dan rasa seperti hendak pecah. Aku cuba bertahan sehingga sampai di rumah. Selepas berehat seketika, aku membuat pemeriksaan tekanan darah dan bacaannya TINGGI!!! 160/100!

Terus aku hubungi adikku, seorang doktor di salah sebuah hospital di Sabah. Beliau terkejut dengan bacaan tersebut dan terus memintaku ke hospital berdekatan. Katanya terlalu tinggi untuk ibu mengandung dan boleh membahayakan nyawa aku dan bayi dalam kandungan. Kami tidak terus ke hospital tetapi ke klinik panel yang berdekatan terlebih dahulu kerana aku ada pengalaman yang tidak menyeronokkan berurusan di hospital berdekatan tersebut. Selepas membuat pemeriksaan, doktor terus menyediakan surat untuk dirujuk ke hospital kerana aku perlu dimasukkan ke wad untuk rawatan dan pemeriksaan lanjut. Pada asalnya doktor mahu rujukkan aku ke hospital berdekatan namun kami meminta agar dirujukkan ke hospital di kampung halaman kami. Ini kerana rekod dan sejarah rawatanku sudah ada di hospital tersebut dan memudahkan pengurusan anak-anak kami kerana berdekatan dengan keluarga. Alhamdulillah doktor membenarkan kami ke hospital di kampung tetapi dengan syarat kami perlu pulang segera sebelum berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Tanpa berlengah, kami bergerak pulang ke kampung pada malam itu juga.

Kami sampai di hospital lebih kurang pukul 3 pagi. Selepas proses saringan dan mengambil ubat-ubatanku seperti biasa, bacaan tekanan darah turun sedikit namun masih tinggi. Bayi dalam kandunganku tidak lagi bergerak. Terus aku dibawa ke wad bersalin untuk dipantau sementara menunggu doktor pakar yang bertugas tiba. Jururawat membuat pemeriksaan ke atas bayi dalam kandunganku, alhamdulillah degupan jantung masih ada namun bacaan Cardiotocography (CTG) kurang cantik. Jururawat membekalkan oksigen kepada aku agar oksigen tersebut sampai juga kepada bayi. Ketika itu, hatiku mula rasa gelisah, risau dan tidak keruan. Macam-macam yang bermain di fikiran. Mulut ini tidak henti-henti berdoa kepada Allah S.W.T. agar dipermudahkan segala urusan dan selamat semuanya.

Tiba-tiba... " Assalamualaikum..."

bersambung....

BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com